INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES TECHNOLOGY AND CIVILIZATION
E-ISSN: 2600-8815
VOLUME 11, ISSUE 2, 2026, 182 - 189
DOI: https://doi.org/10.15282/ijhtc.v11i2.14054

RESEARCH ARTICLE

Kecerdasan spiritual dalam perspektif Barat dan Islam: Analisis perbandingan (Spiritual intelligence in Western and Islamic perspectives: A comparative analysis)

Sh. Mohd Firdaus bin Sh. Othman[1], Rohana binti Hamzah[1]*, Ahmad Muhaimin bin Mohamad[1], Asmadi Abdul Rahman[2] dan Dayang Sakini bin Mohd Kadri[3]

[1]Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuh Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia
[2]Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permaim 26600 Pekan Pahang, Malaysia
[3]Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang, km8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan Pahang, Malaysia

Abstrak: Kecerdasan spiritual merupakan satu terminologi yang mula diperkenalkan oleh sarjana Barat dan kemudiannya menarik perhatian ramai sarjana Islam untuk menilai kesesuaiannya dengan kerangka pemikiran Islam. Justeru, artikel ini bertujuan mengupas dan membandingkan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan Barat secara kritis. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap artikel terpilih yang membincangkan tentang konsep kecerdasan spiritual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat elemen-elemen sejajar antara kedua-dua pandangan, konsep kecerdasan spiritual menurut Islam mempunyai asas yang lebih kukuh dan menyeluruh dari segi kerohanian bersumberkan ilmu wahyu dan ia berdiri di atas prinsip aqidah tauhid yang benar. Kajian ini mencadangkan pembangunan kerangka konseptual kecerdasan spiritual berteraskan Islam sebagai asas dalam penyusunan Modul Ilmu Kecerdasan Spiritual untuk para pendakwah. Pemahaman yang mendalam terhadap konsep ini amat penting dalam membangunkan kandungan modul yang berkesan, relevan, dan selaras dengan keperluan dakwah semasa di Malaysia.

Abstract: *The notion of spiritual intelligence was first introduced by Western scholars and has since garnered significant attention among Muslim scholars, who sought to assess its relevance within the framework of Islamic thought. This article critically examines and compares the concept of spiritual intelligence from both Islamic and Western perspectives. Adopting a content analysis approach, the study reviews selected scholarly works that discuss the construct of spiritual intelligence. The findings indicate that while there are certain converging elements between the two perspectives, the Islamic understanding of spiritual intelligence provides a more solid and holistic foundation of spirituality. This foundation is derived from revealed knowledge and firmly rooted in the principle of tawhid. The study further proposes the development of a conceptual framework for spiritual intelligence grounded in Islamic teachings as a basis for designing a Spiritual Intelligence Module for preachers. A comprehensive understanding of this concept is deemed essential to ensure the formulation of effective, relevant, and contextually appropriate module content that addresses the contemporary needs of da'wah in Malaysia.*

Article History
Received : 10 February 2026
Revised : 11 March 2026
Accepted : 29 September 2026
Published : 30 October 2026

Kata Kunci
Kecerdasan spiritual
Islam dan barat
Analisis kandungan
Modul dakwah
Kerangka konseptual

Keywords
Spiritual intelligence
Islam and the West
Content analysis
Da'wah Module
Conceptual framework

1. Pengenalan

Kecerdasan spiritual merupakan konsep yang semakin mendapat perhatian dalam era kontemporari, khususnya dalam konteks usaha memahami makna kehidupan, nilai, dan kesejahteraan rohani manusia. Terminologi ini mula diketengahkan oleh sarjana Barat seperti Zohar dan Marshall (2000) yang memperkenalkan konsep *Spiritual Intelligence (SQ)* sebagai kecerdasan yang membolehkan seseorang memahami makna kehidupan yang lebih luas dan mendalam. Mereka berpendapat bahawa kecerdasan spiritual berfungsi untuk memberikan arah dan makna dalam kehidupan melalui keupayaan menilai nilai-nilai dalaman dan membuat keputusan berdasarkan kesedaran nilai tersebut. Namun, unsur humanisme dan sekularisme sering meresapi pendekatan kecerdasan spiritual Barat yang memisahkan antara aspek spiritual dengan agama (Bensaid et al., 2014) dan hubungan manusia dengan Tuhannya. Sekularisme dan humanisme menjadikan kecerdasan spiritualiti dalam ideologi Barat lebih bersifat subjektif dan bersandarkan kepada konsep kebenaran yang bersifat relatif. Oleh itu, ia tidak semestinya berkait dengan elemen ketuhanan. Kelompangan inilah yang perlu disedari oleh pendakwah yang menyampaikan dakwah kepada mualaf dan non-muslim.

Dalam epistemologi Islam, kecerdasan spiritual bukan sekadar pencapaian kesejahteraan jiwa, tetapi merupakan manifestasi tauhid yang mendalam. Konsep ini telah dibahaskan oleh ulama silam seperti Imam al-Ghazali (1998) yang menekankan kepentingan hati (*qalb*), roh (*ruh*), jiwa (*nafs*), dan akal (*aql*) dalam pembangunan kerohanian manusia. Al-Quran menegaskan bahawa urusan roh adalah hak Allah SWT semata-mata dan ilmu manusia mengenainya sangat terbatas (Al-Qur'an 17: 85). Justeru, kesejahteraan spiritual dalam Islam bergantung kepada kesucian hati dan kekuatan hubungan dengan Allah SWT (Najati, 1992). Kajian mutakhir juga menunjukkan keperluan mendesak untuk

***CORRESPONDING AUTHOR | Hamzah, R.** | ✉ rohanahamzah@umpsa.edu.my
© 2026 The Authors. Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Press. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

membangunkan kerangka kecerdasan spiritual yang berteraskan prinsip Islam, sejajar dengan usaha Islamisasi ilmu yang menyeru kepada penyepaduan kembali epistemologi ilmu akal dan sumber wahyu (Jumahat & Abdullah, 2014). Tanpa kerangka ini, umat Islam berisiko mengadaptasi konsep-konsep Barat yang tidak sepenuhnya serasi dengan asas aqidah tauhid.

Berdasarkan kepada latar belakang ini, kajian ini bertujuan untuk mengupas dan membandingkan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan Barat secara kritis. Penilaian ini penting bagi membina pemahaman terhadap ilmu kecerdasan spiritual yang benar dan menyeluruh. Ia juga menjadi asas dalam pembangunan modul dakwah yang berkesan apabila terdapat perbandingan di antara keduanya. Salain dari itu, ia juga meningkatkan keupayaan pendakwah untuk memahami dan menyampaikan ilmu kecerdasan spiritual berpaksikan nilai-nilai Islam terutamanya dalam konteks Malaysia yang telah meletakkan Islam sebagai agama persekutuan.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap literatur terpilih yang membincangkan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan Barat. Data dikumpul daripada buku, artikel jurnal, dan prosiding yang membahas definisi, konstruk, dan kerangka kecerdasan spiritual. Analisis dijalankan secara perbandingan kritikal, mengenal pasti persamaan dan perbezaan definisi dan konstruk antara kedua-dua perspektif. Dapatan analisis menjadi asas untuk mencadangkan pembinaan kerangka kecerdasan spiritual berasaskan Islam yang lebih sesuai untuk pembangunan modul dakwah.

3. Dapatan Kajian

Dapatan kajian disusun dengan menganalisis dokumen yang membincangkan konsep kecerdasan spiritual Barat dan Islam.

3.1 Konsep Kecerdasan Spiritual Menurut Barat

Konsep kecerdasan spiritual (*spiritual intelligence*) dalam wacana Barat terus berkembang dengan pelbagai pendekatan multidisiplin. Kajian sistematik oleh Fidelis et al. (2024) menyoroti pengaruh perspektif sosiobudaya dalam membentuk pemahaman dan konseptualisasi kecerdasan spiritual. Kajian ini menekankan bahawa tafsiran terhadap kecerdasan spiritual berbeza-beza mengikut latar belakang budaya dan sosial individu. Dalam pendekatan Barat, kecerdasan spiritual sering dikaitkan dengan keupayaan individu untuk mencari makna hidup, mengatasi cabaran, dan mencapai kesejahteraan psikologi tanpa semestinya merujuk kepada entiti ketuhanan. Sebagai contoh, King (2008) membangunkan *Spiritual Intelligence Self-Report Inventory* (SISRI-24) yang menilai kecerdasan spiritual berdasarkan empat dimensi utama: pemikiran kritikal eksistensial, penghasilan makna peribadi, kesedaran transendental, dan pengembangan kesedaran. Model ini menekankan aspek kognitif dan emosi dalam kecerdasan spiritual tanpa mengaitkannya secara langsung dengan agama atau kepercayaan teistik.

Namun, pendekatan ini mendapat kritikan kerana cenderung memisahkan aspek spiritual daripada konteks keagamaan. Bensaid et al. (2014) menegaskan bahawa pendekatan Barat terhadap kecerdasan spiritual sering kali sarat dengan unsur humanisme dan sekularisme, yang memisahkan antara aspek spiritual dengan agama. Mereka berpendapat bahawa spiritualiti dalam pandangan Barat lebih bersifat subjektif dan tidak semestinya berkait dengan ketuhanan, bahkan dalam beberapa pendekatan, kecerdasan spiritual dianggap mampu dicapai tanpa sebarang hubungan dengan Tuhan. Tambahan pula, kajian oleh Amram (2022) dalam jurnal *Religions* menyoroti bahawa walaupun terdapat pelbagai model kecerdasan spiritual dalam literatur Barat, masih terdapat kekurangan konsensus mengenai definisi dan komponen utama kecerdasan ini. Beliau mencadangkan perlunya pendekatan yang lebih holistik dan integratif yang menggabungkan aspek kognitif, emosi, dan spiritual dalam memahami kecerdasan spiritual.

Secara keseluruhannya, pendekatan Barat terhadap kecerdasan spiritual memberikan penekanan kepada aspek psikologi dan kognitif individu dalam mencari makna dan tujuan hidup. Walaupun terdapat sumbangan penting dalam memahami dimensi spiritual manusia, pendekatan ini sering kali mengabaikan peranan wahyu dan hubungan dengan Tuhan, yang merupakan elemen teras dalam perspektif Islam mengenai kecerdasan rohani.

3.2 Konsep Kecerdasan Spiritual Menurut Islam

Dalam epistemologi Islam, kecerdasan spiritual (*al-dhakā' al-rūḥī*) berakar umbi daripada hubungan yang kukuh antara manusia dengan Allah SWT, berasaskan prinsip tauhid, iman, dan *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa). Konsep ini telah lama dibincangkan oleh ulama silam seperti Imam al-Ghazali, yang menekankan kepentingan hati (qalb), roh (rūḥ), jiwa (nafs), dan akal ('aql) dalam pembangunan kerohanian manusia. Al-Quran menegaskan bahawa urusan roh adalah hak Allah SWT semata-mata dan ilmu manusia mengenainya sangat terbatas (Al-Qur'an 17: 85). Justeru, kesejahteraan spiritual dalam Islam bergantung kepada proses penyucian hati dan kekuatan hubungan dengan Allah SWT (Sudi et al. 2017). Kajian oleh Sudi et al. (2017) menekankan bahawa elemen-elemen seperti tawakal, taqwa, cinta kepada Allah SWT dan Rasul, serta kesabaran merupakan komponen penting dalam kecerdasan spiritual menurut perspektif hadis. Mereka menegaskan bahawa kecerdasan spiritual dalam Islam bukan sekadar pencapaian kesejahteraan jiwa, tetapi merupakan manifestasi tauhid yang mendalam dalam amalan dan cara hidup.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Bengkel Intensif Modul Kemahiran Psikospiritual Islam yang bertujuan untuk membangunkan kompetensi dan kapasiti Ahli Terapi Psikospiritual Syarie (ATPS) daripada segi spiritual bersumberkan al-Quran, al-Sunah dan amalan ahli sunah waljamaah. Modul ini digubal

dengan memberikan cadangan dan kaedah terbaik untuk menangani permasalahan bio-psiko-sosial-spiritual yang dialami oleh individu berdasarkan kaedah yang digariskan dalam Islam (JAKIM, 2024). Menurut Hamzah et al. (2010), kecerdasan spiritual menurut Islam merujuk kepada keupayaan insan untuk memahami dan menghayati hakikat kewujudan dirinya sebagai hamba Allah SWT, berfungsi dengan kesedaran tauhid dalam setiap aspek kehidupan, serta mampu membuat keputusan berdasarkan panduan wahyu dan nilai-nilai akhlak Islami. Ia juga mencerminkan keupayaan insan untuk menjadikan hubungan dengan Allah SWT sebagai teras kepada pertimbangan, tindakan dan matlamat hidupnya, seterusnya membentuk ketundukan hati, kekuatan jiwa, dan kematangan rohani yang berpaksikan iman.

Konsep ini tidak terpisah daripada dimensi *'ubudiyyah*, iaitu kesedaran bahawa tujuan penciptaan manusia adalah untuk menyembah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُون

Maksudnya: *Dan tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.* (*Qu'ran, 51:56*)

Selain itu, menurut kajian oleh Mohd Suhardi Mat Jusoh et. al (2018) kecerdasan spiritual turut melibatkan proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*), iaitu pemurnian rohani daripada pengaruh hawa nafsu dan dosa, sebagaimana firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا٩ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا

Maksudnya: *Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya. (Qur'an, 91:9-10)*

Proses penyucian jiwa dalam ilmu kecerdasan spiritual turut dinyatakan oleh Shamsiah Banu Hanefar (2015). Menurut mereka penyucian jiwa dalam kecerdasan spiritual ialah orang yang mempunyai kecenderungan mendekatkan diri kepada Allah SWT Manakala kesedaran tujuan dan makna hidup bukan sekadar dicapai melalui pergerakan badan ketika solat sahaja, malah perlu memahami doa yang diucapkan dalam solat melalui zikir dan fikiran. Dalam menghadapi cabaran hidup, kita perlu menghadapi masalah dengan cara mengawal atau menguruskan tekanan mental dengan baik. Selain itu, pemikiran rasional, kawalan emosi dan rohani perlu dititik beratkan.

Dalam konteks ini, kecerdasan spiritual bukan hanya berfungsi sebagai satu bentuk kecerdasan intelektual atau emosi, tetapi lebih tinggi kerana ia bersumberkan wahyu, memperkasakan nilai iman, taqwa, sabar, syukur, dan keikhlasan dalam tindakan manusia. Menurut al-Ghazali (1998), roh manusia perlu ditarbiah melalui ilmu, amal, dan mujahadah agar sampai kepada maqam makrifatullah. Jumahat et al. (2014), berpandangan kecerdasan spiritual merupakan manifestasi iman yang tinggi merangkumi kepercayaan dan keyakinan terhadap keesaan Allah SWT yang mewujudkan emosi, pemikiran dan tindakan yang positif. Mereka telah mengetengahkan satu kerangka konsep dan eksplorasi awal model pengukuran kecerdasan spiritual dari perspektif Islam yang berpaksikan paradigma tauhid. Mereka juga telah membina instrumen pengukuran yang sesuai digunakan untuk penyelidik Islam. Menurut mereka, terdapat lima dimensi kerangka konsep kecerdasan spiritual yang dicadangkan iaitu Kesedaran Ruhaniah, Ibadah, Akhlak, Amanah dan Ilmu. Mereka turut menjelaskan bahawa kecerdasan spiritual dari sudut Islam ialah keupayaan mengenal Allah SWT memahami hikmah kehidupan, serta kecekapan dalam menilai perbuatan melalui neraca akhirat. Ia menjadi indikator penting dalam pembentukan pemikiran metafizik (melangkaui kewujudan fizikal) dan sahsiah Muslim yang seimbang. Pemikiran sebegini seharusnya melahirkan insan yang berpandangan jauh dan bijaksana dalam mengatur perjalanan hidup agar sentiasa berada di jalan yang lurus.

Kajian Suriani Sudi et al. (2017) menyatakan bahawa elemen penting dalam kecerdasan spiritual ialah rasa taqwa kecintaan yang tinggi kepada Allah SWT dan Rasul, yakin diri dan memiliki sifat sabar yang tinggi. Sekaligus menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual adalah hati yang dipenuhi takwa dan kunci kecerdasan ruhani berada pada hati nurani yang sarat dengan nilai takwa. Menurut al-Ghazali (1998), asas pembangunan kerohanian manusia bermula daripada hati (qalb) yang bersih dan berfungsi sebagai pusat penyuluh antara akal dan hawa nafsu. Dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, beliau menegaskan bahawa hati yang hidup ialah hati yang tunduk kepada kebenaran, menerima petunjuk wahyu dan membawa kepada pengabdian mutlak kepada Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ٨٨ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ٨٩

Maksudnya: *Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik) (Al-Qur'an, 26: 88–89)*

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagaimana dikemukakan oleh Aris (2019), dalam karya *Madarij al-Salikin* beliau menjelaskan bahawa kecerdasan rohani merujuk kepada kemampuan seseorang untuk sentiasa berada dalam keadaan *muraqabah* (merasakan dirinya diawasi oleh Allah SWT), di samping menjadikan matlamat kehidupan tidak hanya tertumpu pada kepentingan duniawi semata-mata, tetapi berorientasikan kepada keredaan Allah SWT dan ganjaran di akhirat. Dalam konteks moden, Jumahat dan Abdullah (2014) menegaskan bahawa kecerdasan spiritual menurut perspektif Islam merujuk kepada kebijaksanaan rohani yang membantu individu membuat keputusan berdasarkan nilai tauhid, serta memandu kehidupan berteraskan prinsip akhlak dan tujuan penciptaan insan. Mereka menekankan bahawa kecerdasan spiritual Islam tidak boleh dipisahkan daripada sumber wahyu dan berbeza secara asas daripada pendekatan

Barat yang bersifat sekular. Konsep ini juga boleh dikaitkan dengan istilah "hikmah" dalam al-Quran, seperti yang difirmankan Allah SWT yang bermaksud:

يُؤْتِى ٱلْحِكْمَةَ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُؤْتَ ٱلْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِىَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ٢٦٩

Maksudnya: *Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya. (Al-Qur'an 2:269)*

Secara keseluruhan, kecerdasan spiritual menurut Islam adalah satu bentuk kecerdasan yang membimbing manusia dalam mengurus kehidupan dengan penuh keinsafan dan kesedaran terhadap hakikat diri sebagai hamba kepada Allah SWT dimana kebergantungan mutlak dirinya kepada kehendak dan ketentuan Allah SWT. Manusia juga perlu sedar tentang tujuan kehidupan adalah memenuhi tanggungjawab sebagai seorang khalifah yang perlu memilih dan membuat keputusan berdasarkan perintah dan larangan Allah SWT dalam memimpin perubahan terhadap diri dan juga makhluk lain. Oleh itu, kecerdasan spiritual dari perspektif Islam bukan sekadar satu kecerdasan intelektual atau emosi, tetapi satu sistem kesedaran rohani merangkumi iman, ihsan, dan taqwa.

4. Perbandingan dan Perbincangan Ilmu Kecerdasan Spiritual Barat dan Islam

Perbandingan antara konsep kecerdasan spiritual menurut perspektif Barat dan Islam dianalisis dari aspek asas pembentukan pemikiran atau ideologi, tujuan, epistemologi keilmuan, kerangka nilai, dan elemen kecerdasan spiritual. Walaupun kedua-dua pendekatan mengiktiraf kepentingan dimensi kerohanian dalam pembangunan manusia, namun asas kefahaman dan aplikasinya menunjukkan perbezaan yang mendalam dan signifikan. Dari perspektif ideologi atau asas pembentukan pemikiran kecerdasan spiritual Barat ditafsirkan sebagai keupayaan individu mencari makna hidup, mencapai ketenangan batin, dan menghubungkan diri dengan sesuatu yang transenden tanpa semestinya berkaitan dengan Tuhan atau agama tertentu (King, 2008). Dalam erti kata lain kecerdasan spiritualiti didefinisikan sebagai sesuatu bersifat subjektif, relatif dan bebas daripada nilai mutlak iaitu nilai ketuhanan (Fidelis et al., 2024) atau nilai kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Oleh itu jelas sekali, akar umbi kepada perkembangan ilmu kecerdasan spiritual barat masih berpegang kepada ideologi pemisahan atau sekularsime iaitu pemisahan diantara agama dan spiritual atau pemisahan di antara hubungan manusia dengan Tuhan (Bensaid et al., 2014).

Sedangkan asas pembentukan ideologi atau pemikiran kecerdasan spiritual Islam dengan jelas meletakkan prinsip tauhid iaitu kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT sebagai teras rujukan utama kepada kebenaran. Maka, teras utama ilmu kecerdasan spiritual Islam ialah membina hubungan kuat dengan Allah SWT melalui proses keilmuan yang boleh meningkatkan keyakinan atau keimanan manusia kepada sifat-sifat Allah SWT seperti keesaan-Nya, kebesaran-Nya, kasih sayang-Nya yang tidak terhingga (infinitif) dan tidak pernah berubah. Begitu juga dengan perintah dan larangan-Nya, tidak akan pernah berubah seperti mana termaktub dalam al-Quran. Manakala, dari perspektf tujuan pula, kecerdasan spiritual Barat diperlukan oleh manusia dengan tujuan mencari kembali makna dan nilai kehidupan yang mungkin telah hilang kesan daripada pemikiran pemisahan diantara manusia dengan Tuhan. Keperluan terhadap makna dan nilai kehidupan yang lebih luas dan mendalam ini dipercayaan akan membantu manusia meningkatkan kawalan emosi dan pembangunan daya intelektual dengan lebih baik. Keperluan ini juga lahir sebagai usaha membantu manusia membina pemikiran dan hubungan yang positif dalam keluarga dan masyarakat dalam usaha membentuk kehidupan yang lebih sejahtera.

Sebaliknya tujuan ilmu kecerdasan spiritual Islam pula adalah untuk mencari keredhaan Allah SWT dengan menyerah diri kepada kehendak dan ketentuan-Nya. Oleh itu kecerdasan spiritual Islam merangkumi kebolehan untuk memahami dan menghayati hakikat kewujudan diri sebagai hamba dan melaksanakan fungsi kepimpinan (khalifah) dengan kesedaran tersebut. Dalam erti kata lain manusia perlu berperanan mentransformasikan perintah Allah SWT dalam kehidupan di dunia ini bukan kehendak dirinya sendiri untuk memperolehi keredhaan Allah SWT. Sekiranya proses transformasi ini berjaya dilaksanakan manusia akan memperolehi kebahagiaan atau kesejahteraan dalam kehidupan di dunia mahupun akhirat. Maka tujuan ini menjadi panduan kepada manusia dalam membentuk kehidupan yang lebih bermakna berpandukan perintah dan larangan Allah SWT sebagai rujukan nilai dalam menentukan kebenaran dan kebatilan.

Dari perspektif epistemologi ilmu pula, kecerdasan spiritual Barat menekankan pendekatan rasionalisme, pengalaman individu dari sudut psikologi dan sosiobudaya tanpa panduan agama. Dalam erti kata lain pendekatannya adalah pemisahan atau pensekularan di antara ilmu yang digarap melalui proses berfikir secara rasional terhadap segala pengalaman hidup dengan ilmu keagamaan. Kesannya kesimpulan terhadap makna atau hikmah d isebalik pengalaman tersebut terpulang kepada individu itu sendiri. Oleh itu, kebenaran dari perspektif epistemologi ilmu bersifat subjektif dan berubah-ubah kerana tiada panduan agama untuk membina makna yang lebih bersifat benar, menyeluruh dan universal. Maka, epistemologi ilmu sebegini sekali lagi akan gagal mencapai tujuan ilmu kecerdasan spiritual Barat itu sendiri iaitu membina hidup yang lebih bermakna luas dan kaya seperti yang dihasratkan oleh pengasasnya iaitu Zohar dan Marshal (2004).

Sebaliknya, epistemologi ilmu kecerdasan spiritual Islam, meletakkan sumber ilmu wahyu sebagai panduan kepada manusia dalam proses mereka berfikir tentang pengalaman hidup baik dari sudut psikologi, sosiobudaya dan keilmuan yang saintifik. Kesimpulan atau hikmah yang dibina hanya dikatakan benar apabila ianya selari dengan apa yang difirmankan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan diperkukuhkan lagi dengan sokongan penerangan dari hadis. Oleh itu, epistemologi ilmu kecerdasan spiritual Islam bersifat terpandu dan bersepadu untuk membawa manusia kembali

mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT. (beriman) untuk membina kesejahteraan jiwa. Maka jiwa yang sejahtera adalah jiwa yang tenang atau spiritual yang cerdas akan memandu manusia untuk membentuk tindakan dan keputusan berpaksikan wahyu dan akhlak Islam. Dalam tradisi keilmuan Islam, konsep ini telah lama dibincangkan oleh ulama silam seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Al-Ghazali (1998) dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* menekankan bahawa hati (qalb) yang suci merupakan asas pembangunan rohani yang sebenar. Oleh itu matlamat epistemologi ilmu kecerdasan spiritual Islam sangat jelas iaitu membawa manusia kembali kepada Allah SWT sebagai sumber kebenaran dalam menghadapi cabaran dan ujian hidup di dunia.

Manakala, kerangka nilai ilmu kecerdasan spiritual Barat yang berkembang di atas falsafah humanistik dan sekularisme hanya meletakkan orientasi dunia dan manusia sebagai penentu nilai dan makna kehidupan. Oleh itu, ilmu kecerdasan spiritual Barat terbatas hikmahnya dalam memahami psikologi manusia. Kesimpulan dibuat hanya berdasarkan kajian saintifik oleh ilmuan dalam bidang berkenaan yang sudah tentunya boleh berbeza dan diragui kebenaranya. Maka tidak hairanlah wujud kekeliruan dalam menentukan apa yang benar dan apa yang salah. Kekeliruan ini pula akan menumpulkan keupayaan berfikir dan membuat keputusan. Akhirnya manusia sekali lagi akan terperangkap dengan hawa nafsu yang berselindung disebalik perjuangan hak dan kebebasan individu dalam menentukan cara hidup masing-masing.

Manakala kerangka nilai dalam kecerdasan spiritual Islam tidak dapat dipisahkan daripada berpaksikan tauhid yang membentuk iman, ibadah dan akhlak dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kecerdasan spiritual Islam bukan hanya berfungsi untuk membentuk kecerdasan emosi dan intelektual tetapi lebih tinggi dari itu iaitu hubungan manusia dengan Penciptanya dengan bersumberkan ilmu wahyu dalam memperkasakan nilai dan makna kehidupan (al-Ghazali, 1998). Oleh itu, hikmah kebenaran tidak berakhir kepada manusia tetapi kepada Allah SWT. Pencarian makna di sebalik proses manusia memerhati dan berfikir tentang kejadian dalam kehidupan perlulah selari dengan makna atau hikmah yang telah tersimpul dengan sempurna dalam al-Quran.

Analisis terhadap elemen kecerdasan spiritul pula, ilmuan Barat telah meletakkan dua elemen utama dalam kecerdasan spiritual iaitu kognitif dan emosi sahaja tanpa elemen kerohanian atau ketuhanan atau agama. Dari sudut kognitif, mereka menekankan tentang pemikiran kritikal tentang kewujudan diri (eksitensial) namun kesimpulan terhadap pencarian makna adalah bersifat peribadi. Manakala dari sudut emosi proses pengembangan kesedaran transcendental adalah bertujuan mengawal emosi dan tidak semestinya berkait dengan kesedaran ketuhanan. Maka, ilmu kecerdasan spiritual barat yang dikenali sebagai ilmu psikologi dengan jelas menolak elemen ketuhanan dan hubunganya dalam mempengaruhi perkembangan emosi dan pemikiran manusia. Apa yang lebih parah lagi dapatan kajian oleh Amran (2022) menunjukkan ilmuan Barat masih keliru dan masih belum mencapai persetujuan bersama tentang elemen-elemen utama dalam kecerdasan spiritual. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan proses pemikiran Barat itu sendiri yang bersifat humanistik dengan meletakkan kebenaran makna dan nilai berakhir kepada manusia itu sendiri bukan kepada Tuhan sekalian alam.

Sebaliknya, ilmu kecerdasan spiritual Islam telah meletakkan elemen ketuhanan iaitu tauhid dan keimanan iaitu hubungan yang kuat antara manusia dengan Allah SWT sebagai elemen yang paling utama. Setelah elemen utama ini dapat dihayati dengan keteguhan keimanan, maka akan lahir dan berkembanglah elemen kecerdasan spiritual seterusnya dalam menjawab persoalan tujuan dan makna kehidupan sebagai hamba dan khalifah sebagai terjemahan kepada rasa cinta kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Sepertimana yang dinyatakan oleh Sudi, Sham dan Yama (2017), elemen tauhid ini tidak sekadar membentuk kesejahteraan jiwa, tetapi merupakan manifestasi tauhid yang mendalam dalam kehidupan seharian.

Elemen seterusnya adalah proses keilmuan (epistemologi ilmu) yang bukan sekadar memenuhi keperluan perkembangan intelektual tetapi juga perkembangan emosi dan spiritual dengan panduan ilmu wahyu atau ilmu ketuhanan. Oleh itu proses berfikir perlulah membawa manusia kepada sumber ilmu yang sebenar yang melangkaui sempadan ruang dan waktu iaitu Allah SWT. Setelah melalui proses keilmuan yang benar, manusia perlu mempraktikannya melalui proses penyucian jiwa dan amalan kehidupan. Maka lahirlah elemen seterusnya iaitu taqwa, sabar, syukur, ikhlas dalam tindakan manusia yang merupakan manifestasi kebijakkan rohani dalam membuat keputusan dengan bijaksana sebagai bukti ketaatannya kepada perintah dan larangan Allah SWT. Inilah proses mujahadah iaitu perjuangan sepanjang hidup untuk mengawal hawa nafsu dengan kekuatan spiritual agar kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT tidak hanya berlaku dalam diri tetapi turut dibuktikan dalam amalan kehidupan secara menyeluruh sepanjang hayat.

Hasil yang mampu dicapai melalui ilmu kecerdasan spiritual Barat dari sudut kesejahteraan psikologi dan ketabahan dalam menghadapi cabaran kehidupan masih bersifat duniawi atau memerlukan sokongan luaran. Kesan dari itu manusia masih bergantung kepada faktor luaran dalam mencari kebahagiaan. Oleh itu pelbagai program sokongan ciptaan manusia ditawarkan yang sudah tentu melibatkan kos atau keuntungan material. Jelas disini ilmu kecerdasan spiritual Barat akan gagal membawa manusia untuk mengecapi kebahagian yang hakiki atau sejati. Manakala ilmu kecerdasan spiritual Islam akan membebaskan kebergantungan manusia kepada faktor luaran. Kebahagiaan dan kesejahteraan sejati dikecapi dengan kekuatan hubungan dengan Allah SWT yang bersifat sokongan dalaman untuk membina kekuatan dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan. Secara keseluruhannya dapatan kajian ini dapat diringkaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 1

Perbandingan ilmu kecerdasan spiritual Barat dan Islam

Aspek	Barat	Islam
Asas Pemikiran (Ideologi)	Berasaskan falsafah dan pemikiran humanisme dan sekularisme (pemisahan ilmu dan pemisahan hubungan manusia dengan Tuhan). Kebenaran bersifat subjektif, relatif dan bebas daripada nilai mutlak iaitu nilai kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.	Berasaskan tauhid, kepercayaan kepada Keesaan Allah SWT dan kepatuhan kepada-Nya. Membina hubungan manusia dengan Allah SWT. Kebenaran bersifat mutlak (tidak berubah) bersumberkan perintah dan larangan Allah SWT sepertimana yang digariskan dalam al-Quran.
Tujuan	Mencari makna dan nilai kehidupan bagi mencapai kesejahteraan emosi dan pemikiran (psikologi) dalam usaha membina hubungan positif dalam kehidupan.	Mempunyai tujuan lebih tinggi daripada sekadar memenuhi keperluan emosi dan pemikiran iaitu mencari keredhaan Allah SWT. Penyerahan diri kepada kehendak dan ketentuan-Nya (asas pemikiran positif dalam menghadapi cabaran kehidupan). Menghayati makna diri sebagai hamba dalam melaksanakan fungsi kepimpinan (khalifah) iaitu transformasi perintah dan larangan Tuhan dalam kehidupan.
Epistemologi Ilmu	Pemisahan atau pensekularan diantara ilmu intelektual dan ilmu agama (wahyu). Menekankan pendekatan rasionalisme, pengalaman individu (*experiential learning*) dari sudut psikologi dan sosiobudaya tanpa panduan agama Hikmah atau kebenaran berakhir kepada individu.	Perkembangan ilmu intelektual secara bersepadu dan terpandu oleh ilmu wahyu meletakkan sumber ilmu wahyu sebagai panduan kepada manusia dalam proses mereka berfikir
Kerangka Nilai	Berorientasikan dunia dan manusia sebagai penentu nilai dan makna kehidupan.	Berorientasikan akhirat (hubungan manusia dengan Allah Yang Maha Esa iaitu untuk meraih keredhaan-Nya) dalam memperkasakan nilai dan makna kehidupan di dunia.
Elemen Kecerdasan Spiritual	Meletakkan dua elemen utama dalam kecerdasan spiritual iaitu kognitif dan emosi tanpa elemen ketuhanan Kognitif adalah pemikiran kritikal tentang kewujudan diri (eksitensial) namun kesimpulan berorientasikan peribadi. Emosi adalah proses pengembangan kesedaran transcendental bertujuan mengawal emosi dan tidak berkait dengan kesedaran ketuhanan.	Elemen yang paling utama tauhid (keimanan, hubungan kuat dengan Allah SWT) sebagai asas untuk: Memahami tujuan dan makna hidup sebagai hamba dan khalifah untuk terjemahan rasa cinta kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Mengembangkan proses keilmuan (epistemologi ilmu) bukan sekadar memenuhi keperluan intelektual tetapi perkembangan emosi dan spiritual dengan panduan ilmu wahyu atau ilmu ketuhanan. Mujahadah (proses penyucian jiwa dalam amalan kehidupan) atas nilai taqwa, sabar, syukur, ikhlas dalam tindakan manusia sebagai manifestasi kebijakkan rohani dalam membuat keputusan. Perubahan yang menyeluruh (spiritual, emosi, intelektual dan akhlak)
Hasil / Natijah	Kesejahteraan psikologi, ketabahan, hidup terhad pada duniawi (pengaruh luaran)	Ketenangan jiwa keseimbangan dunia & akhirat, hikmah, kebahagiaan hakiki asas ketabahan dan kekuatan dalaman.


5. Cadangan Kerangka Konseptual Kecerdasan Spiritual

Cadangan kerangka konseptual Islam dibangunkan sebagai satu usaha untuk mengarus perdanakan kefahaman yang sahih mengenai kecerdasan spiritual menurut perspektif Islam. Berdasarkan dapatan analisis kajian terdahulu menunjukkan perbezaan mendasar antara pendekatan Barat dan Islam dari sudut ideologi atau pemikiran, epistemologi ilmu, kerangka atau orientasi nilai dan elemen-elemen kecerdasan spiritual, maka suatu model perlu digariskan sebagai rujukan kepada pembangunan modul, latihan, serta penyelidikan lanjut dalam bidang ini. Kerangka ini dinamakan sebagai Model Kecerdasan Spiritual Islam mengambil semangat tauhid sebagai teras utama yang mencorak hubungan manusia dengan

Allah SWT, konsep dan makna diri sebagai hamba dan khalifah, serta proses mujahadah (penyucian jiwa) dalam menghadapi cabaran kehidupan berteraskan nilai takwa, sabar, jujur dan ikhlas dalam membuat keputusan bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan yang hakiki. Secara ringkaskan Model Kecerdasan Spiritual Islam dapat digambarkan dalam rajah di bawah:

Rajah 1

Kerangka model kecerdasan spiritual Islam



6. Kesimpulan

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa konsep kecerdasan spiritual merupakan aspek penting dalam pembangunan insan, khususnya dalam kerangka pemikiran Islam. Ilmu kecerdasan spiritual Islam perlu dibangun berasaskan dan berpandukan tauhid, iman, dan mujahada penyucian jiwa dalam menghadapi ujian kehidupan. Tujuan akhirnya adalah bagi mengecapi kebahagiaan dan kesejahteraan kehidupan yang hakiki iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Berbanding pendekatan Barat, yang lebih cenderung kepada dimensi psikologi, emosi dan intelektual berorientasikan duniawi atau pengaruh daripada persekitaran. Manakala, kebenarannya pula bersifat subjektif, relative atau berubah-ubah dan individualistik. Dalam erti kata lain kebenaran berakhir kepada diri sendiri. Pemikiran sebegini sekali lagi akan menyebabkan manusia akan gagal membebaskan diri daripada kawalan faktor luaran dan terperangkap dengan pemikiran bertuhankan diri sendiri atau hawa nafsu. Keadaan ini akan melumpuhkan kawalan diri dan gagal dalam mencari erti kebahagiaan dan apatah lagi mengecapi kebahagiaan yang hakiki. Kajian ini juga telah mengemukakan cadangan Model Kecerdasan Spiritual Islam sebagai suatu kerangka konseptual yang membentuk asas pemikiran, tindakan, dan hala tuju pembangunan spiritual seorang Muslim. Ia menawarkan pendekatan yang seimbang dan menyeluruh dalam memahami serta mengaplikasikan kecerdasan rohani dalam kehidupan individu dan masyarakat.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas usaha dan inisiatif untuk memperkasakan pendakwah MUIP dengan ilmu kecerdasan spiritual dan kertas kerja ini menjadi rujukan bagi pembangunan Modul Ilmu Kecerdasan Spiritual Pendakwah MUIP dengan gabungan kepakaran akademik daripada UMPSA dan UNIQSAS.

Pembiayaan

Kajian ini telah disokong oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang telah menyediakan bantuan kewangan di bawah Geran Industri No. RDU230701 dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) khusunya Pusat Pusat Sains Kemanusiaan selaku pihak yang bertanggunjawab dalam pengurusan projek ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan
Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dan kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam kajian ini atau terhadap perkara yang dibincangkan dalam manuskrip ini.

Pernyataan Sumbangan Penulis (CRediT)
Sh. Mohd Firdaus bin Sh. Othman: Penulisan draf awal, pendahuluan, dapatan, kesimpulan dan pengurusan sumber rujukan.
Rohana binti Hamzah: Semakan, penambahbaikan penulisan, dapatan dan kesimpulan kerangka konseptual ilmu kecerdasan spiritual
Ahmad Muhaimin bin Mohamad: Metodologi kajian
Asmadi Abdul Rahman: Semakan isi penulisan agar tepat dengan akidah ASWJ.
Dayang Sakini bin Mohd Kadri: Kajian literatur dan penambahbaikan penulisan artikel

Ketersediaan Data dan Bahan
Perkongsian data tidak berkenaan bagi artikel ini kerana tiada set data baharu yang dijana atau dianalisis dalam kajian ini.

Pernyataan Etika
Proses penyelidikan bagi menghasilkan artikel ini tidak melibatkan peserta manusia atau subjek haiwan. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan bagi penyelidikan ini.

Penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif
Alat berasaskan AI digunakan hanya untuk tujuan penyuntingan bahasa, pengesahan rujukan dan menyemak format penulisan rujukan mengikut APA 7. Tiada penjanaan kandungan atau tafsiran data oleh AI dilakukan. Semua sumbangan intelektual adalah asli dan sepenuhnya hasil penulis.

Rujukan

Aini, Q., Talib, S. G., Alghazali, T., Ali, M. H., Sahi, Z. T., Kumar, T., Muda, I., Ramírez-Coronel, A. A., & Sunarsi, D. (2023). Spiritual intelligence, spiritual health and occupational stress in Islamic organisations. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies, 79*(1), Article a8228. https://doi.org/10.4102/hts.v79i1.8228

Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). https://archive.org/details/SyedMuhammadNaquibAlAttasIslamAndSeculariBookZZ.org

Al-Faruqi, I. R. (1982). *Islamization of knowledge: General principles and workplan*. International Institute of Islamic Thought. https://archive.org/details/islamizationofkn0000unse

Al-Ghazali, A. H. (1998). *Iḥyā' 'ulūm al-dīn* (Vol. 3). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Raghib al-Asfahani, A. Q. H. M. (2007). *Kitab al-dhari'ah ila makarim al-shari'ah*. Dār al-Salām.

Amram, Y. J. (2022). The intelligence of spiritual intelligence: Making the case. *Religions, 13*(12), 1140. https://doi.org/10.3390/rel13121140

Aris, M. (2019). *Konsep Muraqabah menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Madarij al-Salikin* [Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya]. UINSA Institutional Repository. http://digilib.uinsa.ac.id/34749/

Bensaid, B., Machouche, S. B. T., & Grine, F. (2014). A Qur'anic framework for spiritual intelligence. *Religions, 5*(1), 179–198. https://doi.org/10.3390/rel5010179

Fidelis, A., Moreira, A. C., & Vitória, A. (2024). Multiple perspectives of spiritual intelligence: A systematic literature review. *Social Sciences & Humanities Open, 9*, 100879. https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.100879

Hamzah, R., Md Isa, K., & Mohd Janor, R. (2010). Spiritual education development model. *Journal of Islamic and Arabic Education, 2*(2), 1–12. http://eprints.utm.my/id/eprint/22904/

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1996). *Madārij al-sālikīn* (Vol. 1). Dār al-Hadīth.

Jumahat, T., & Abdullah, N. F. (2014). Perbandingan konsep kecerdasan spiritual dari perspektif Islam dan Barat: Satu penilaian semula. In *Proceedings of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (ICASIC 2014)*. https://worldconferences.net/proceedings/icasic2014/

King, D. B. (2008). *Rethinking claims of spiritual intelligence: A definition, model, and measure* [Master's thesis, Trent University].

Najati, M. U. (1992). *Al-ḥadīth al-nabawī wa 'ilm al-nafs*. Dār al-Shurūq.

Shamsiah Banu, Mohamad Hanefar, "Development of spiritual intelligence model for adolescents in Malaysia / Shamsiah Banu Mohamad Hanefar" (2015). Student Works (2010-2019). 3036. https://knova.um.edu.my/student_works_2010s/3036

Sudi, S., Sham, F. M., & Yama, P. (2017). Kecerdasan spiritual menurut perspektif hadis. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 2*(2). https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.14

Zohar, D., & Marshall, I. (2000). *SQ: Spiritual intelligence: The ultimate intelligence*. Bloomsbury. https://www.alisonmorgan.co.uk/Books/Zohar%202000.pdf